

# Mahu Anwar jadi PM seperti dijanjikan

um-4/1/2019 m/s: 7

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**  
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 3 JAN.**

**P**RESIDEN PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim mesti menjadi Perdana Menteri ke-lapan dalam tempoh dua tahun seperti yang telah dijanjikan.

Setiausaha Otai Reformis 1998, Abdul Razak Ismail berkata, pihaknya gusar janji tersebut tidak ditunaikan lebih-lebih lagi selepas terdapatnya usul oleh perwakilan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dalam Perhimpunan Agung Tahunan parti itu baru-baru ini yang mahukan Tun Dr. Mahathir Mohamad kekal memegang jawatan Perdana Menteri selama sepenggal.

“Politik ini adalah seni pelbagai kemungkinan, walaupun Dr. Mahathir menyatakan akan menyerahkan kuasa kepada Anwar dalam masa yang ditetapkan, tetapi besar kemungkinan pelbagai perkara akan berlaku.

“Kami mahu juga Anwar dijadi-

kan Perdana Menteri seperti yang dijanjikan. Dalam Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) sebelum pilihan raya lalu telah dipersetujui bersama bahawa Anwar dilantik sebagai Perdana Menteri dalam masa dua tahun, jadi kami mahu peralihan itu mengambil tempat dalam dua tahun,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengerusi Otai Reformis 1998, Dr. Idris Ahmad.

Sementara itu, tambah Abdul Razak, pihaknya juga gusar dengan perkembangan politik semasa terutama berkaitan ahli-ahli Parlimen dari UMNO yang ‘melompat’ ke parti-parti komponen PH.

“UMNO dulu kita tentang habis-habisan tetapi sekarang mereka itu sudah jadi ‘suci’ apabila masuk ke Bersatu atau Amanah (Parti Amanah Negara) dan sebagainya.

“Kita merasakan satu kegusaran di sini, sekiranya pemindahan atau ‘lompat’ itu tadi melebihi daripada apa yang dijangka, kami rasa Bersatu itu sendiri akan jadi parti dominan, mengatasi PKR,” katanya.



**IDRIS AHMAD** (duduk, dua dari kanan) bersama **Abdul Razak Ismail** (duduk, tiga dari kiri) dalam sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA